



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENGHARGAAN WIRA OREN SEMPENA  
AMBANG TAHUN 2023**

### **OLEH**

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH**

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**31 DISEMBER 2022 (SABTU)**  
**10.00 PAGI**

**HOTEL THE LIGHTS  
SEBERANG JAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Penghargaan Wira Oren Sempena Ambang Tahun Baru 2023 bersama Yang Berhormat Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa di *Hotel The Lights*, Seberang Jaya.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa yang telah berhasrat untuk melaksanakan Program Ambang Tahun Baharu 2023 bersama-sama Pihak Berkuausa Tempatan.

Majlis pada pagi ini adalah untuk mengukuhkan dan meningkatkan semangat serta menghargai sumbangan yang diberikan oleh warga kerja

Pihak Berkuasa Tempatan kepada Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021 dan 2022. Program ini juga merupakan penghargaan Kerajaan Negeri kepada warga kerja PBT yang telah memberikan khidmat cemerlang dalam memastikan Pulau Pinang selamat, sihat dan bersih semasa tempoh pandemik Covid-19.

Terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai, Wira-Wira Oren yang kita raikan hari ini dan para hadirin sekalian yang sudi hadir dan bersama-sama menjayakan program pada pagi yang indah ini. Kehadiran Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur Program, iaitu Jabatan Kemasyarakatan di atas komitmen yang jitu dan padu dalam kejayaan menganjurkan program ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

“Wira Oren” MBSP ini dahulunya dikenali sebagai Skuad Khas MBSP yang terdiri daripada Pekerja-Pekerja Am yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja 3D (*Difficult, Dirty and Dangerous*). Pada kebiasaan mereka banyak terlibat dalam kerja-kerja pembersihan yang penuh cabaran seperti pokok tumbang, longkang dan parit air tersumbat, bencana banjir dan sebagainya. Wira-wira Oren sentiasa bersedia menghadapi pelbagai krisis dan bencana termasuk kerja-kerja pembersihan segera yang perlu di lakukan oleh MBSP.

Wira Oren telah bertungkus lumus bekerja siang dan malam, pagi dan petang, panas dan hujan, bertugas pada hari cuti dan sanggup bekerja pada bila-bila masa sahaja tanpa mengenal waktu. Berdasarkan pengalaman ini, MBSP telah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana dan dapat menjalankan koordinasi dengan sempurna bersama komuniti, NGO dan agensi-agensi kerajaan atau swasta.

Dengan pengalaman ini juga, pasukan Wira Oren turut mengembang tenaga serta menghulurkan dan menggerakkan Misi Bantuan Banjir di Negeri Selangor, Pahang dan Baling sebagai tanda setia kawan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri-negeri tersebut yang berdepan cabaran besar ketika itu. Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah mengalihkan pokok-pokok yang tumbang, mencuci rumah, selut dan mengalihkan perabot yang telah rosak.

Dalam kekalutan dunia memerangi wabak Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021, Wira-Wira Oren MBSP telah menjalankan amanah dengan memastikan persekitaran sentiasa dalam keadaan yang bersih dan terjaga. Semasa tempoh pandemik ini, mereka turut sama membantu jabatan-jabatan dalaman MBSP melancarkan kerja-kerja pembersihan, sanitasi dan kawalan pergerakan pengunjung di premis-premis milik MBSP.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Ada di kalangan Wira Oren MBSP yang berbakat dan kreatif di mana barang-barangan terbuang yang dikutip seperti tayar terpakai, tong-tong sampah yang rosak, botol-botol plastik minyak masak, pasu-pasu bunga yang rosak, tayar motosikal, basikal lama dan lain-lain lagi telah digubah

menjadi produk-produk yang kreatif dan menarik (*upcycle*). Setelah itu tercetuslah idea untuk menempatkan barang *upcycle* di satu kawasan dan menjadikan kawasan tersebut tempat riadah masyarakat tempatan yang dinamakan *Upcycle Park*. Komponen-komponen yang disediakan di taman ini ialah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter, plaza dan bangku taman.

Wira Oren juga telah berjaya mentranformasikan kawasan longgokan sampah haram menjadi satu lokasi Pocket Park yang kreatif melalui pengurusan barang terpakai dan lain-lain bahan terbuang yang di tukar menjadi hiasan yang menarik. Terdapat dua Transformasi yang dilaksanakan iaitu transformasi dari tempat longgokan sampah haram ke Pocket Park dan transformasi dari bahan terbuang kepada hiasan yang menarik.

Wira Oren juga amat komited serta mempamerkan etika kerja yang berkualiti dan integriti yang tinggi di mana seramai tujuh (7) kakitangan MBSP yang bertugas di Depo Tasek Gelugor telah berusaha membantu seorang suri rumah yang secara tidak sengaja membuang barang kemas ke dalam tong sampah MBSP dan sampah tersebut telah dikutip dan dimasukkan ke dalam lori kompaktor. Kakitangan-kakitangan MBSP ini telah bertungkus lumus dan menyelongkar sampah yang

bertimbun sehingga menjumpai kembali beg kecil yang berisi barang kemas kepunyaan suri rumah tersebut seperti yang diviralkan dalam media sosial. Sifat amanah, integriti dan empati yang ditunjukkan oleh Wira Oren akan terus dihargai oleh para pelanggan dan sekali gus meningkatkan imej organisasi ini.

## **SYABAS DAN TAHNIAH!**

Pelbagai cabaran telah diharungi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Seberang Perai khasnya dan *stakeholders* secara amnya. Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya menekankan agar Wira Oren terus mengamalkan konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) dalam pelaksanaan tugas-tugas harian.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Mengambil kesempatan ini juga, hari ini kita turut menyampaikan hadiah kepada pemenang keseluruhan OPS CroSS MBSP 2022 yang telah

berlangsung di tiga (3) Daerah di Seberang Perai pada September dan Oktober yang lalu. Operasi Crow Sharpshooter (Ops CroSS) MBSP 2022 telah dijalankan di ketiga-tiga daerah, Seberang Perai Tengah (SPT) pada 13 Ogos 2022, Seberang Perai Utara (SPU) pada 24 September 2022, dan Seberang Perai Selatan (SPS) pada 15 Oktober 2022. Sebanyak 15 lokasi hotspot telah dipilih di setiap daerah dan seramai 69 orang penembak berlesen dari seluruh negara telah terlibat. Secara keseluruhannya sebanyak 10,023 ekor burung gagak telah berjaya dilupuskan bagi tahun 2022 melepas sasaran 10,000 ekor gagak yang ditetapkan.

Saya ingin ucapan jutaan kasih buat semua peserta, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Jabatan Penerangan Negeri, RELA dan syarikat penaja McDonalds Cawangan Perda, Petronas Bandar Perda, ASPEN Vision City, Nestle yang telah terlibat dalam menjayakan usahasama mengurangkan isu kacau ganggu gagak, selaras dengan Keutamaan Strategik Seberang Perai iaitu Pembangunan Hijau, Persekutuan Bersih (SP04) dan Keterlibatan Komuniti (SP09). Saya juga mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada pemenang-pemenang yang akan menerima hadiah berupa wang, trofi dan sijil penghargaan, sebentar nanti.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Setiap pengakhiran mesti ada permulaan baru. Masa lalu adalah sejarah. Masa lalu mengajar kita erti masa hadapan yang penuh dengan kebahagiaan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2023 kepada semua warga kerja MBSP dan juga warga Seberang Perai.

Meskipun tahun telah berganti, Kita jalani dengan seikhlas hati. Terima kasih buat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Warga kerja Seberang Perai, Wira Oren MBSP dan seluruh warga Seberang Perai yang selama ini telah menjadi inspirasi dan sentiasa berkerjasama dalam pelaksanaan semua program dan aktiviti MBSP untuk menjadikan **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana MBSP telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran sepanjang tahun 2022 dengan keazaman dan kecekalan. Diharap semua ini dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih kuat lagi pada tahun hadapan. Saya amat berpuas hati dan berbangga dengan segala pencapaian pada tahun

ini, dan berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2023. Antara pencapaian MBSP sepanjang tahun 2022 hasil daripada usaha-usaha memberangsangkan daripada warga kerja MBSP adalah:-

**I. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Tahun 2022** yang telah diadakan pada 08 Disember 2022.

MBSP telah memenangi:-

- i. Tempat Kedua untuk Inovasi SISKEN bagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
- ii. Tempat ketiga untuk Inovasi *Visible Parking* bagi Anugerah Inovation Blast Teknikal.
- iii. Tempat pertama untuk Inovasi Lingkaran Bourgainvella bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Kategori Bukan ICT dan juga Anugerah Khas dalam Anugerah Inovasi Ketua Menteri.
- iv. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Kategori ICT:-
  - a. Tempat pertama untuk Inovasi Aspire Seberang Perai.

- b. Tempat kedua untuk Inovasi Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (SPEEDBiz).
- c. Tempat ketiga untuk Inovasi Sistem *E-Clocking* BKK.
- II. MBSP melalui inovasi Lingkaran Bougainvillea telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan **National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2022** pada 7 November 2022.
- III. MBSP bersama Bahagian Kerajaan Tempatan dan MBPP di dalam satu kumpulan telah memenangi **Gold Medal Award** melalui Program Penang Smart Parking yang telah diadakan di *International Convention On Quality Control Circles 2022* di Jakarta, Indonesia yang berlangsung pada 15 hingga 18 November 2022.
- IV. MBSP telah mendapat tempat kedua dalam SDG Awards sempena **The 9th Citynet Congress 2022** yang telah berlangsung pada 20 - 23 September 2022 di Kuala Lumpur.
- V. Johan bagi Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan ke - 65 peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2022 bagi kategori sektor awam pada 31 Ogos 2022.

VI. Seberang Perai adalah antara tiga (3) bandar di Malaysia yang telah disenarai pendek daripada 280 penyertaan bandaraya-bandaraya Seluruh Dunia untuk mewakili Malaysia dalam ***WWF's One Planet City Challenge 2022*** yang berlangsung pada Mei 2022. Atas kejayaan usaha MBSP dalam mengurangkan pelepasan karbon, mitigasi yang komprehensif dan pengadaptasian kepada langkah - langkah untuk menangani krisis, Seberang Perai telah terpilih dan diisyiharkan sebagai pemenang ***One Planet City Challenge*** di peringkat kebangsaan (*National Winner*) pada 24 Mei 2022.

Setakat ini MBSP telah mempunyai lapan (8) Pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, iaitu tujuh (7) daripadanya adalah ISO yang dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan satu (1) lagi, iaitu 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pelaksanaan dan pensijilan baru iaitu, *Compliance Management System ISO 37301:2021* (CMS) ini kiranya berjaya diperolehi oleh MBSP, akan menjadikan MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang mempunyai sembilan (9) Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Apa yang ingin tegaskan di sini adalah, kita tidak mengejar pensijilan untuk mendapat pengiktirafan semata-mata. Tetapi untuk menjadikan MBSP sebagai juara di hati rakyat dengan

proses pemberian perkhidmatan yang lebih mudah dan mesra disamping meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas kita.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa kerana telah berjaya menghasilkan dokumen Pelan Strategi MBSP 2023 - 2030 yang merupakan dokumen hala tuju MBSP untuk lapan (8) tahun dan merupakan perancangan atau komitmen MBSP kepada semua *stakeholders* (pemegang taruh) di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Adalah diharapkan dengan kehadiran tahun 2023 akan menjadi lebih bermakna sebagai pendorong semangat dan azam baru kepada seluruh warga kerja MBSP dan juga rakyat Seberang Perai untuk terus berusaha dan berusaha demi mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Semoga kehadiran tahun baharu ini akan memberi makna yang besar kepada kita semua serta memberi kita dorongan untuk terus berusaha bagi mencapai kejayaan yang diimpikan. Janganlah dianggap usaha kita adalah sia-sia

atau tidak beroleh apa-apa habuan kerana usaha murni kita ini adalah pemangkin bandar masa hadapan.

Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya merakamkan jutaan terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa serta kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Penghargaan Wira Oren Sempena Ambang Tahun Baru 2023 bersama Yang Berhormat Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa.

**Sekian, terima kasih.**

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*